

SEKOLAH ENUMA MENINGKATKAN KADAR CELIK HURUF DAN NUMERASI BAGI 643 ORANG MURID-MURID DI SELURUH MALAYSIA

KUCHING: Walaupun tanpa capaian internet, kanak-kanak kini tetap boleh mengakses bahan pembelajaran digital. Dalam tempoh yang singkat, lapan buah sekolah di sekitar Sabah, Sarawak, dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang menyertai Program Perintis Sekolah Enuma (PPSE) telah dapat melihat penambahbaikan kadar celik huruf dan numerasi dalam kalangan murid-muridnya. Program yang julung kali diadakan ini bermula daripada 28 Mac 2022 sehingga 5 Ogos 2022 dan telah berakhir secara rasminya pada 27 Ogos 2022. Program ini berakhir dengan berlangsungnya majlis penutup yang dihadiri oleh YBhg. Datuk Dr. Haji Azhar bin Haji Ahmad, Pengarah Bahagian Pendidikan Negeri Sarawak.

Ramai yang menarik nafas lega apabila kerajaan mengumumkan bahawa murid-murid dibenarkan untuk kembali ke sekolah pada tahun ini. Namun begitu, guru-guru kini menghadapi cabaran untuk mengajar murid-murid yang sedang berada di tahap penguasaan akademik berbeza. Ramai pelajar khususnya murid-murid sekolah telah mengalami kecaciran pendidikan yang signifikan akibat penutupan sekolah semasa tempoh pandemik COVID-19.

Yayasan Teach For Malaysia dalam usahanya untuk merapatkan jurang perbezaan dalam pendidikan, telah bekerjasama dengan Enuma Inc., sebuah syarikat teknologi pendidikan (Edtech) Amerika Syarikat yang telah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan global, untuk menjalankan program perintis aplikasi Sekolah Enuma (SE). Aplikasi Sekolah Enuma merupakan sebuah aplikasi pembelajaran yang digamifikasikan dan kandungannya telah disesuaikan untuk kanak-kanak Malaysia belajar subjek Bahasa Melayu, Matematik, dan Bahasa Inggeris. SE boleh dimainkan di mana-mana sahaja tanpa sambungan internet. Aplikasi ini memberikan ruang yang unik untuk murid-murid belajar mengikut kemampuan akademik tersendiri dan seterusnya menggalakkan autonomi dalam pembelajaran.

Program yang dibiayai oleh Yayasan Telekom Malaysia (YTM) ini telah dijalankan di 3 buah negeri dan melibatkan seramai 643 orang murid daripada 8 buah sekolah. Sekolah-sekolah ini terdiri daripada 4 buah sekolah yang terletak di negeri Sabah dan melibatkan kanak-kanak tanpa kerakyatan, 3 buah sekolah kerajaan di Sarawak dan sebuah lagi sekolah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dengan kebanyakan daripada muridnya berasal daripada komuniti Projek Perumahan Rakyat (PPR).

Izlyn Ramli, Pengarah Yayasan TM berkata,

"Kolaborasi ini merupakan kesinambungan semula jadi hasil sokongan kuat YTM terhadap ekosistem pendidikan terutamanya dalam menggalakkan pembelajaran digital dalam kalangan murid-murid pra-sekolah dan sekolah rendah. Ini juga sejajar dengan aspirasi Telekom Malaysia Berhad (TM) untuk menjadi pemangkin Malaysia Digital dan menyokong agenda pendidikan digital kerajaan pada masa yang sama. Aplikasi digital berasaskan permainan yang dapat diakses tanpa capaian internet ini bakal menggalakkan dan memudahkan pembelajaran subjek Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, dan Matematik dalam cara yang seronok dan interaktif."

Secara purata, murid-murid menggunakan aplikasi SE selama 45 minit seminggu. Pada penghujung program, terdapat 10-12% peningkatan dalam kalangan murid yang mendapat markah 80% ke atas untuk kemahiran-kemahiran teras dalam subjek Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik.

Dengan peningkatan kadar celik huruf dan numerasi dalam kalangan murid-murid sekolah rendah yang dicapai dalam jangka masa yang singkat, tidak mustahil untuk kita melihat impak yang lebih mapan sekiranya SE digunakan dalam jangka masa yang lebih panjang. Fasa 2 SE

sedang berada dalam perbincangan dengan hasrat untuk mengembangkan lagi program tersebut kepada seramai 4,000 orang murid daripada 4 kawasan dengan populasi Orang Asli dan komuniti B40 tertinggi di Malaysia.

Lampiran



Majlis Penutup. Dari Kiri:



Murid-murid sedang belajar dengan aplikasi Sekolah Enuma (SE)



Nota editor:

Tentang Yayasan Teach For Malaysia

Yayasan Teach For Malaysia (YTFM) merupakan sebuah organisasi bebas yang bukan berasaskan keuntungan. YTFM mempunyai misi agar semua murid di Malaysia boleh merealisasikan potensi mereka melalui pendidikan berkualiti. YTFM bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mencapai sekolah-sekolah awam berkeperluan tinggi. YTFM merupakan sebahagian daripada 60 rakan rangkaian pendidikan global berprestij, Teach For All.

Sejak 2012, Yayasan Teach For Malaysia telah membina sebuah gerakan transformasi dalam sistem pendidikan dengan menempatkan pemimpin-pemimpin yang berpotensi tinggi sebagai guru sepenuh masa di sekolah-sekolah berkeperluan tinggi di Malaysia untuk membanteras ketaksaksamaan pendidikan melalui program andalan kami, Felo TFM. Pada tahun 2020, kami telah meluaskan usaha kami untuk turut melatih dan membimbing guru-guru STEM yang sedang berkhidmat di sekolah melalui Program Duta Guru (PDG) yang berjalan selama dua tahun.

Yayasan Teach For Malaysia adalah penerima Anugerah Merdeka (Merdeka Awards) 2022 dalam kategori Pendidikan dan Komuniti. Anugerah Merdeka merupakan sebuah anugerah prestasi ulung Malaysia yang diasaskan oleh PETRONAS, ExxonMobil, dan Shell pada tahun 2007.

Sejak pelancarannya pada tahun 2012, gerakan kami yang terdiri daripada 474 orang Felo TFM, 583 Peserta PDG dan Alumni telah memberi impak kepada sebanyak 330,285 murid di 893 buah sekolah di seluruh negara.

Tentang Enuma

Enuma merupakan sebuah syarikat Edtech berasaskan US yang didorong oleh misi yang menawarkan aplikasi pembelajaran digital yang berbentuk permainan di seluruh dunia. Enuma paling terkenal dengan aplikasi Kitkit School, iaitu aplikasi yang memenangi pertandingan berprestij yang bernama Global Learning XPRIZE (2019), dan mendapat \$15 juta tajaan Elon Musk. Aplikasi ini telah digunakan di lebih daripada 50 buah negara melalui sekolah yang mempunyai murid-murid di suasana yang kekurangan sumber. Enuma mempunyai banyak produk yang berjaya secara komersial dalam pasaran B2C di US, Korea, Jepun dan China yang sangat kompetitif. Aplikasi terbaharunya iaitu Sekolah Enuma, menggabungkan semua aspek terbaik daripada semua produk Enuma dan berkonteks sepenuhnya untuk Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Joyce Wong

Penyelaras Projek Sekolah Enuma

Teach For Malaysia

Tel: +6016 870 1047

Email: joyce.wong@teachformalaysia.org

Website: <https://www.teachformalaysia.org>

LinkedIn: <https://www.linkedin.com/company/teachformsia/>

Twitter: <https://twitter.com/teachformsia>

Facebook: <https://www.facebook.com/teachformalaysia>

Instagram: <https://www.instagram.com/teachformsia>



- Dokumen berakhir -